

Dera mental, psikologi suami punca kes cerai

» Kajian dapati 70 peratus hubungan pasangan Islam bermasalah

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias

wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penderaan mental dan psikologi terhadap golongan suami, dikesan sebagai punca kepada kira-kira 70 peratus kes perceraian pasangan Islam di negara ini.

Perangkaan itu diperoleh hasil penilaian dan kajian pakar terhadap hampir 34,000 kes perceraian yang berlaku sepanjang 2014.

Penderaan mental disifatkan pakar umpama 'bom jangka' kerana boleh meletup pada bila-bila masa serta menjadi penyumbang kepada masalah sosial lain seperti penderaan, jenayah seksual, khianat, membunuh serta bunuh diri.

Lelaki yang menjadi mangsa penderaan mental, disifatkan tidak mempunyai saluran tepat untuk mendapat bantuan serta nasihat, selain mereka sendiri malu kerana gagal mengurus keluarga seperti diharapkan.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr



“**Wanita yang menyedari kelemahan suami, mengambil peluang melakukan perkara melampaui batas sebagai isteri dan ibu, sekali gus memberi tekanan mental dan psikologi terhadap suaminya**”

Dr Mohammad Shatar Sabran,
Timbalan Naib Canselor UPM

Mohammad Shatar Sabran, berkata berdasarkan kajian umumnya sejak sedekad lalu, beliau tidak menolak kemungkinan majoriti pasangan berkahwin mengalami masalah sama, namun tidak dilaporkan.

Tiada keyakinan diri

Beliau berkata, kriteria lelaki yang menjadi mangsa penderaan

mental adalah dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai keyakinan diri, membuatkan mereka mudah dimanipulasi dan didominasi oleh isteri sendiri.

“Sifat ini juga menyebabkan mereka sentiasa mengalah, tidak berani membuat keputusan, rendah diri dan sekali gus dilihat sebagai lelaki lemah sehingga pasangannya hilang hormat.

“Masalah dalaman ini jika tidak dibantu pada peringkat awal boleh mengundang kesan negatif dalam rumah tangga serta membentuk rantaian masalah yang panjang sehingga menggugat prestasi kerja, keluarga, masyarakat dan negara,” katanya.

Sepanjang 2014, sebanyak 159,851 pernikahan direkodkan Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh negara, dengan 33,842 perkahwinan berakhir perceraian, sementara 4,260 kes pasangan bercerai rujuk kembali.

Mohammad Shatar yang juga Profesor di Fakulti Ekologi Manusia UPM, berkata punca utama isu penderaan mental terhadap lelaki adalah kurangnya pengetahuan mengenai fungsi dan cabaran perkahwinan dalam zaman yang sudah berubah.

“Wanita yang menyedari kelemahan suami, mengambil peluang melakukan perkara melampaui batas sebagai isteri dan ibu, sekali gus memberi tekanan mental dan psikologi terhadap suaminya.

“Antaranya tindakan isteri menolak hubungan intim, keluar rumah tanpa kebenaran, mengabaikan tanggungjawab dan mahu

INFO

Rekod Pernikahan, Perceraian dan Rujuk 2014

Negeri	Jumlah (kes)		
	Nikah	Ceraí	Rujuk
Johor	23,725	4,045	606
Kedah	15,777	2,796	465
Kelantan	18,331	3,290	218
Melaka	5,225	1,203	193
N. Sembilan	6,451	1,775	251
Pahang	11,019	2,240	322
Perak	14,293	2,154	270
Perlis	978	382	60
P. Pinang	4,917	1,299	202
Sabah	12,953	1,800	76
Sarawak	6,311	1,865	131
Selangor	22,192	6,912	863
Terengganu	11,415	2,455	419
Kuala Lumpur	5,725	1,499	164
Labuan	539	127	20
Jumlah	159,851	33,842	4,260

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri

semua kehendaknya dituruti, walaupun salah,” katanya.

Boleh dicegah lebih awal

Mohammad Shatar berkata, masalah itu sebenarnya boleh dicegah lebih awal menerusi amalan, prosedur dan proses perkahwinan supaya pasangan boleh menggunakan tempoh itu untuk memahami diri masing-masing.

“Sewajarnya kursus perkahwinan bukan dilihat sebagai komoditi perniagaan, tetapi landasan terbaik menilai semula kemampuan dan kekurangan pasangan

sebelum memutuskan untuk hidup bersama.

“Sebagai analogi, seorang komando tentera memerlukan enam bulan latihan ketahanan mental sebelum jiwa patriotik dibentuk dan berupaya berkhidmat untuk negara.

“Begitu juga kursus perkahwinan untuk seumur hidup, seseorang memerlukan masa yang panjang untuk menilai semula, sama ada mereka boleh menjalani hidup sebagai satu pasangan atau pasukan yang baik atau tidak,” katanya.